

Headline	Cuti haji 40 hari mencukupi Shahidan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	13	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	101 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,996
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,989



Cuti haji 40 hari mencukupi - Shahidan

KUALA LUMPUR 26 Nov. - Jumlah cuti 40 hari kepada penjawat awam yang mengerjakan ibadah haji adalah mencukupi dan tiada penambahan jumlah cuti akan dilakukan kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, kerajaan tidak bercadang melanjutkan tempoh cuti haji daripada 40 hari kepada maksimum 50 hari.

Jelas beliau, kemudahan cuti haji yang diberikan telah pun meliputi tempoh menunaikan fardu haji di Mekah, lima hari persediaan se-



SHAHIDAN KASSIM

belum berlepas ke tanah suci dan lima hari rehat setelah kembali.

"Cuti haji sedia ada untuk penjawat awam adalah memadai dan dasar sekarang dikekalkan," katanya dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan **Mohd. Rafizi Ramli (PKR-Pandan)** yang bertanyakan adakah kerajaan bercadang menyelaraskan cuti haji sehingga maksimum 50 hari sejajar dengan tempoh masa menunaikan haji kelolaan Tabung Haji.

Dalam pada itu, menjawab soa-

lan tambahan **Normala Abdul Samad (BN-Pasir Gudang)**, Shahidan berkata, kerajaan menyokong dan menggalakkan pihak swasta memberi cuti haji yang lebih lama kepada pekerja sektor itu.

"Perkara paling penting dalam menunaikan fardu haji adalah rukun haji dan rukun itu boleh disempurnakan dalam masa 10 hingga 12 hari sahaja.

"Cuti haji 40 hari adalah keistimewaan yang diberikan kerajaan untuk penjawat awam," katanya kepada soalan Normala yang bertanyakan sama ada kerajaan akan memperluaskan dasar cuti haji yang sama kepada sektor swasta.